

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1988/89

SBU302 - Asas-Asas Pembangunan Dalam Islam

Tarikh: 28 Oktober 1988

Masa: 2.45 ptg. - 5.45 ptg.
(3 jam)

Baca dan fahamkan soalan-soalan berikut. Jawab TIGA soalan sahaja.

1. "Penerokaan ke dalam "konsep pembangunan Islam" perlu dimulakan dengan pemahaman yang jelas mengenai paradigma alternatif sains sosial, yakni apa yang diistilahkan sebagai 'paradigma tauhid', dibandingkan dengan paradigma sains sosial yang wujud masa kini". Huraikan maksud kenyataan tersebut.
2. "Riba diharamkan di dalam Islam". Huraikan jenis Riba yang dinyatakan di dalam Al Qur'an; jelaskan sebab pengharamannya; dan bincangkan implikasi pengharaman Riba itu dalam konsep pembangunan yang berteraskan Islam.
3. Konsep "produktiviti buruh" dan "kos melepasi buruh" amat berbeza sekali menurut pandangan Islam dan pandangan teori ekonomi moden. Huraikan apakah perbezaannya serta jelaskan mengapa wujudnya perbezaan tersebut.
4. (a) Dokumen Rancangan Malaysia Ketiga telah menamakan lapan kelompok miskin yang menjadi sasaran program pembasmian kemiskinan di negara ini. Empat daripada kelompok miskin tersebut ialah pekebun kecil getah, pesawah padi, nelayan, dan buruh pertanian. Oleh kerana mereka adalah miskin dan memerlukan pembelaan serta bantuan, apakah pada pandangan anda wang zakat boleh digunakan untuk membantu kelompok-kelompok tersebut?
(b) Huraikan peranan zakat dalam konteks pembasmian kemiskinan.
5. "Pendekatan pembangunan Islam adalah bercorak 'sentrifugal' dan 'jayadiri'". Huraikan maksud kenyataan tersebut.